

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
JAMUAN MAKAN MALAM PERSATUAN
DOKTOR-DOKTOR GIGI MALAYSIA YANG KE
TIGA PULUH SATU DI LAKE CLUB, KUALA
LUMPUR PADA 19^{HB} APRIL, 1974

Dr De Silva, Presiden MDA, Dif-dif Yang Terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Pertama sekali, suka saya mengucapkan berbilang terima-kasih kepada seluruh ahli-ahli MDA kerana sudi menjemput saya dan isteri saya menghadiri majlis yang permai malam ini. Lebih-lebih lagi, saya merasa gembira dan bangga atas penghormatan yang diberikan kepada saya sebentar tadi menjadi Penaung Persatuan ini dan juga ikrar taat setia Persatuan itu. Indeed, it is both an honour and privilege for me to be associated with the MDA even though—as the President remarked just now—I can only express my support by making an occasional visit to the Government Dental Clinic.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Kita sedia maklum bahawa perkhidmatan pergigian—dental service adalah satu cabang yang tidak kurang pentingnya dalam usaha kita membina masyarakat yang sihat dan maju. Memandang pada hakikat inilah maka Kerajaan telah berusaha meluaskan scope perkhidmatan itu sambil meninggikan mutunya supaya rakyat negara ini mendapat rawatan yang baik samada di bandar ataupun di luar bandar. Bagi tujuan inilah Kerajaan menambah kemudahan rawatan untuk sekolah-sekolah luar bandar oleh kerana amatlah penting dan mustahak kanak-kanak jenerasi muda mendapat rawatan itu dari sejak awal-awal lagi. Di samping itu, kita tidak ketinggalan menggunakan pendapat dan teknik moden iaitu menjalankan projek water flouridation sebagai satu langkah untuk mengurangkan kerosakan gigi—dental cavies—di kalangan kanak-kanak. Dengan kejayaan pilot scheme di Kluang itu saya percaya projek ini boleh diperluaskan lagi untuk meliputi negeri-negeri di Semenanjung ini.

Begitu juga, seperti yang disebut oleh Presiden tadi, Fakulti Pergigian telahpun bermula di Universiti Malaya sebagai langkah

positif melatih tenaga doktor gigi yang diperlukan oleh negara. Selama ini kita terpaksa bergantung pada kemudahan-kemudahan latihan di luar negeri—seperti Singapura, Australia, New Zealand, Britain dan Indonesia, dan dengan adanya Fakulti Pergigian ini, saya berharap dalam tempoh dua tahun lagi—1976—negara akan mendapat angkatan pertama tiga puluh dua orang Graduate Dental Surgeons dari Fakulti itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya ingin juga menyentuh sedikit tentang keperluan tenaga doktor dan doktor pakar terutama buat masa ini sehingga kita sendiri dapat memenuhinya samada dari Fakulti Pergigian Universiti Malaya dan juga di Seberang Laut. Seperti yang saya katakan tadi, Kerajaan sedang berusaha meluaskan scope perkhidmatan kesihatan gigi dan hingga tahun depan bila berakhir Rancangan Malaysia Kedua, tambahan sebanyak 262 Dental Clinic daripada mana 145 Clinic untuk luar bandar. Oleh yang demikian, sebagai langkah sementara, kita terpaksa mengambil tenaga dari luar negeri dan setakat ini seramai enam puluh empat orang Dental Surgeon telah berkhidmat dengan kita dari negara-negara sahabat iaitu Indonesia, Pakistan, United Arab Emirates and Korea.

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada negara-negara sahabat yang telah bermurah hati membantu kita dalam hal ini. Terutama pula mengingat bahawa mereka berbuat demikian dengan mengorbankan kepentingan mereka sendiri yang tidak kurang mendesak tetapi rela menolong kita sebagai tanda persahabatan dan hubungan muhibbah antara-bangsa. Demikian juga kita berterima kasih kepada negara-negara sahabat yang telah membuka peluang-peluang latihan di Universiti mereka untuk pelajar-pelajar kita yang mengambil jurusan pergigian itu. Saya harap semua pihak yang berkenaan terutama golongan professional memahami dasar Kerajaan tentang pengambilan tenaga doktor dan doktor gigi sebagai langkah sementara itu.

Dengan sumbangan bantuan dari negara-negara sahabat itu dan dengan adanya pengeluaran Graduate Dental Surgeons kita sendiri, saya percaya imbangan atau ratio yang lebih wajar 1:5000 akan dapat dicapai dalam tempoh yang tidak begitu lama. Dalam hal memberi perkhidmatan ini saya sangat berpuashati dengan kerjasama pihak swasta—private practitioners—membantu langkah dan

usaha Kerajaan. Barangkali ada juga baiknya kalau kedua-dua pihak ini boleh menimbangkan perkara khidmat luar waktu seperti yang dibuat oleh medical doctors pada masa ini. Kalau khidmat ini boleh dijalankan pesakit-pesakit gigi boleh mendapat rawatan pada bila-bila masa dan tidak kena menunggu hingga keesokan hari. We are only too familiar with the excruciating pain of tooth-ache particularly young children and in this respect the extension of service will be most welcome indeed.

Ladies and Gentlemen.

Your President just now also mentioned the visit to China last year by a sixteen member delegation from the MDA. A copy of his report on the tour was sent to me sometime ago which I can assure you made very interesting reading. I must congratulate Dr De Silva for his conscientious effort, complete with maps showing the routes taken by the group and the total distance covered during the two-week stay. Most interesting are his delectable remarks on the famous towns of Soochow and Hangchow which, as the old Chinese saying goes "are paradise on earth".

Ladies and Gentlemen.

After such a sumptuous dinner just now, I do not feel that I should talk too much. I would like, however, to end my remark by telling you an anecdote that I had come across—that Dentists too are not free from the oddities of human character.

There was this young lady, seating herself in the dentist's chair, she pulled from her finger a wedding ring of heavy gold with a delicately chased design. "I like to use this for filling my teeth, please," she said.

The dentist examined the ring. "Why I suppose that could be done. But this is an expensive ring, madam. Are you sure you wouldn't rather let me use our regular gold?"

"I am afraid not," the patient said regretfully. "You see, I promised my first husband, before his death three years ago, that I would always wear his wedding ring. I am getting married again next week, and the man I am going to marry has made me promise that I'll wear only his ring after the ceremony. This is the only way I can keep my promise to both of them."

Another one which I think you like is this.

An elderly Dentist and his wife had considerable difficulty teaching a new maid to answer the telephone properly. In spite of repeated instructions, she persisted in answering: "Hello," instead of "Dr Smith's residence". After many practice sessions, everything seemed to be all right. Then one morning the extension in the bedroom rang, and the maid, busy making the bed, grabbed the phone and blurted: "Dr Smith's bedroom".

Ladies and Gentlemen.

With that two episodes, I would like, once again, to thank all of you for giving me this honour to be with all of you here tonight. It has certainly been a delightful evening for both of us. May I wish the MDA continued success in its endeavours in the service of community.